

*Received: 21 March 2019 Accepted: 10 November 2019*

## Ketokohan Sheikh Abdul Qadir al-Mandili dalam Bidang Hadis

Muhammad Al Firdaus bin Awang Kesah<sup>1</sup>, Fadlan bin Mohd Othman<sup>2</sup> & Latifah binti Abdul Majid<sup>3</sup>

Email: <sup>1</sup>[elfirdaus482@gmail.com](mailto:elfirdaus482@gmail.com); <sup>2</sup>[fadlan@ukm.edu.my](mailto:fadlan@ukm.edu.my); <sup>3</sup>[umilm@ukm.edu.my](mailto:umilm@ukm.edu.my)

<sup>1</sup>Calon Sarjana di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2&3</sup>Pensyarah kanan di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

Sheikh Abdul Qadir al-Mandili merupakan ulama terkenal di alam Melayu Nusantara. Ketokohan beliau terserlah melalui penghasilan karya penulisannya dalam pelbagai disiplin ilmu. Beliau boleh dikategorikan sebagai seorang ulama yang produktif dalam menghasilkan karya. Selain itu, keizinan yang diperolehi beliau untuk menyampaikan ilmu dalam al-Masjid al-Haram yang merupakan pusat ilmu pada waktu tersebut membuktikan kealiman serta ketokohan beliau diperakui. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengetengahkan ketokohan Sheikh Abdul Qadir al-Mandili di dalam ilmu keislaman dengan difokuskan kepada ilmu hadis. Kajian itu bertujuan untuk melihat sejauh mana penguasaan beliau dalam ilmu tersebut. Perbincangan mengenai penggunaan, pemilihan serta penulisan hadis dalam karya-karya beliau menjadi fokus utama kajian ini. Reka bentuk kajian yang akan digunakan bagi mencapai objektif ialah menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan karya-karya beliau yang merupakan data primer di dalam kajian ini, dan analisis data dilakukan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa Sheikh Abdul Qadir al-Mandili mempunyai ketokohan dalam bidang hadis, bahkan beliau turut menyumbang kepada khazanah hadis Nusantara berdasarkan peninggalan karya hadis beliau.

**Kata kunci:** Nusantara, Abdul Qadir al-Mandili, ketokohan, hadis, khazanah.

### Leadership of Sheikh Abdul Qadir al-Mandili in The Science of Hadith

### Abstract

Sheikh Abdul Qadir al-Mandili is a well-known scholar in the Malay Archipelago. His leadership is reflected in the production of his writings in various disciplines. He can be categorized as a prolific scholar in producing works. In addition, he was granted permission to convey knowledge in al-Masjid al-Haram, which was the center of knowledge at the time and his credibility as a scholar was proven. Therefore, this study will highlight the leadership of Sheikh Abdul Qadir al-Mandili in Islamic sciences by focusing on the science of Hadith. The study aims to investigate his mastery level in the science of hadith. However, the main focus of this study is to discuss the use, selection and writing of hadith in his works. The research design uses for this study is qualitative method by applying content analysis method on his works which is the primary data in this study, followed by descriptive analysis. The results show that Sheikh Abdul Qadir al-Mandili had a great interest in the science of hadith and he also contributed to the knowledge of the Hadith in the Malay Archipelago based on his legacy of hadith works.

**Keywords:** Malay Archipelago, Abdul Qadir al-Mandili, leadership, Hadith, knowledge

### 1. Pengenalan

Karya-karya penulisan ulama Nusantara telah memberikan pengaruh yang besar terhadap perkembangan Islam dan kehidupan masyarakat di Alam Melayu. Penghasilan karya di dalam pelbagai disiplin ilmu seperti Tauhid, Feqah, Tasawwuf, Hadis, Tafsir dan sebagainya telah membuktikan kesungguhan ulama untuk mendidik masyarakat supaya dapat memahami syariat dengan sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, menurut Wan Mohd Shaghir kebanyakkan orang berpendapat dan bercakap bahawa penulisan ilmu-ilmu keislaman yang dilakukan oleh ulama Nusantara pada zaman silam kebanyakannya memberi tumpuan kepada ilmu ilmu seperti Tauhid, Feqah dan Tasawwuf sahaja. Malahan, terdapat sebahagian lain menyebutkan bahawa ulama-ulama Islam Asia Tenggara tidak mengenali ilmu hadis. Pendapat yang telah dikemukakan tersebut merupakan satu kekeliruan yang amat besar kerana penulisan ilmu-ilmu Islam di kalangan ulama Nusantara adalah lengkap

termasuk ilmu hadis dan beberapa ilmu lain seperti ilmu Hisab, ilmu Falak, ilmu Perubatan dan lain-lain (Wan Mohd Shaghir 1995).

Abdul Qadir bin Abdul Mutalib al-Mandili merupakan antara ulama yang berperanan dalam menyebarkan keilmuan islam kepada masyarakat di abad 20 Masihi. Walaupun bermastautin di Mekah, beliau tidak lupa peranannya sebagai seorang yang berilmu untuk memberikan sumbangan keilmuan terhadap masyarakat Nusantara. Hal ini dibuktikan dengan peninggalan karya-karya beliau dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan seperti Tauhid, Feqah, Tasawwuf, Hadis, Perundangan Islam, Politik dan Pendidikan. Dengan terhasilkan karya-karya tersebut, secara tidak langsung telah membuktikan penguasaan beliau terhadap ilmu pengetahuan terutamanya ilmu wahyu. Antara karya-karyanya ialah kitab *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf* (Tauhid), *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Al Quran Dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati* (Feqah), *Penawar Bagi Hati* (Tasawwuf).

Dalam bidang hadis, beliau telah mengarang dua buah kitab khusus mengenainya iaitu *Tuhfat al-Qārī al-Muslim al-Mukhtār mimmā Ittafāqa `Alayh al-Bukhārī wa Muslim* manakala karya kedua beliau berjodol *Hadiyah Bagi Pembaca Muslim* merupakan terjemahan kepada karya pertama beliau (Ramli Awang 2001). Selain daripada dua karya tersebut, hadis-hadis Nabi SAW juga banyak ditemui di dalam karya-karya lain yang meliputi ilmu tauhid, feqah dan tasawwuf.

Kajian mengenai Sheikh Abdul Qadir al-Mandili banyak dilakukan secara ilmiah terutamanya di Insitusi Pengajian Tinggi. Pengkajian mengenainya meliputi pelbagai aspek antaranya kajian mengenai biografi yang dilakukan oleh Isamuddin dan Ramli Awang (2001). Asyraf bin Abd Ghani@Mohd Azmi (2013) menyentuh mengenai sumbangan al-Mandili dalam bidang keilmuan. Begitu juga, Muhammed Bazri (2012) dan Musa Muhammad (2014) mengkaji kualiti hadis karya al-Mandili. Manakala Ramli Awang etc. (2009), Sharifah Basirah Syed Muhsin & Che Zarrina Sa'ari (2013), Che Zarrina Saari & Nor Azlinah Zaini (2016) dan Nurul hidayah Wahab etc (2017) lebih menumpukan kajian terhadap isi kandungan teks kitab “Penawar Bagi Hati” yang meliputi pelbagai aspek seperti kepentingan menjaga lidah, elemen-elemen nafsu, kajian psikoterapi Islam dan lain lain.

## 2. Riwayat Hidup Sheikh Abdul Qadir Al Mandili

Sheikh al-Mandili atau nama sebenarnya ialah Abdul Qadir bin Abdul Mutalib bin Hassan al-Mandili adalah seorang ulama yang berasal daripada Mandailing, Sumatera Utara, Indonesia. Melihat kepada latar belakang awal beliau, tidak didapati maklumat rasmi yang direkodkan berkenaan tarikh dan tempat lahir melainkan sedikit sahaja. Pada tahun 1910M bersamaan 1329 Hijriyyah al-Mandili dilahirkan di Desa Sigapalang sebuah daerah penyabungan kabupaten Mandailing Natal Sumatera Utara Indonesia (Ramli Awang 2008; Che Zarina&Nor Azlinah 2016).

Beliau merupakan anak kedua daripada empat adik-beradik. Abangnya bernama Polan, manakala kedua adiknya bernama Ibrahim dan Burhan. Beliau yang mempunyai tiga orang isteri telah mendirikan rumah tangga pertamanya di usia 20-an. Hasil daripada perkahwinan tersebut beliau dikurniakan sembilan orang anak. Enam daripada isteri pertama, seorang daripada isteri kedua manakala bersama isteri ketiganya dua orang anak (Ramli Awang 2001).

Pendidikan beliau secara asasnya bermula di Sekolah Rendah Belanda hingga darjah lima. Namun diusianya mencecah 14 tahun, beliau bersama dua orang sahabatnya bernama Abdullah dan Haji Abbas telah berhijrah ke Kedah untuk belajar serta mendalami ilmu agama di pondok-pondok (Ramli Awang 2008; Che Zarina&Nor Azlinah 2016).

Ketika sampai di Kedah, Sheikh al-Mandili telah belajar asas-asas ilmu Islam termasuk membaca, menulis jawi dan belajar bahasa Arab dari Tuan Guru Haji Bakar di Pondok Panjang Rong, Tobiari di daerah Pendang, Kedah. Setelah menguasai asas-asas tersebut, beliau berpindah ke Pondok Air Hitam, Kedah untuk mendalami lagi ilmu agama bersama Tuan Guru Haji Idris bin Lebai Yusuf. Di pondok inilah, beliau mula belajar kitab kitab Arab daripada ketua Muṭāla`ah pondok tersebut iaitu Lebai Dukun dengan menumpukan terhadap ilmu alat seperti *Matan al-Ajurumiyyah*, *Muttammimah* dan *Matan Alfiah Ibn Mālik* (Ramli Awang 2001; Muhammed Bazri 2012).

Setelah menguasai ilmu alat, Sheikh al-Mandili berpindah ke Pondok Gajah Mati, Daerah Pendang Kedah. Pondok yang telah diasaskan oleh Tuan Guru Haji Ismail Cik Dol itu, telah diambil alih oleh menantunya iaitu Tuan Guru Haji Wan Ibrahim bin Haji Wan Abdul Qadir (1894-1968) ataupun lebih dikenali dengan gelaran Pak Cu Him. Beliau merupakan anak bongsu daripada seorang ulama yang bernama Wan Abdul

Qadir bin Mustaffa al-Fatani ataupun dikenali dengan nama Tok Bendang Daya Dua. Sheikh Al-Mandili mengambil kesempatan mendalamai ilmu agama di pondok tersebut dengan menuntut pelbagai disiplin ilmu seperti *Nahw*, *Şarf*, *Balāghah*, *Usul al-dīn*, *Fiqh*, *Usul al-Fiqh*, *Taṣawwuf*, *Hadith*, *Muṣṭalah al-Hadith*, *Tafsīr*, dan *Falsafah* (Sharifah Basirah & Che Zarrina 2013).

Selain belajar, Sheikh al-Mandili juga turut diamanahkan untuk menjadi tenaga pengajar di situ. Sebagai tenaga pengajar, beliau mengajar pelbagai disiplin ilmu termasuklah ilmu Mantik. Setelah berguru dan mengajar di Pondok Gajah Mati selama sepuluh tahun, beliau mengambil keputusan untuk mendalamai lagi ilmu islam dengan berhijrah ke Mekah semata-mata untuk mendalamai ilmu dengan ulama di sana terutamanya daripada abang Pak Cu Him iaitu Tuan Guru Wan Ismail bin Wan Abdul Qadir bin Wan Mustafa al-Fatani ataupun lebih dikenali dengan gelaran Pak Da Eil (Sharifah Basirah & Che Zarrina 2013; Hazman Hassan & Muhammad Ihsan bin Idris 2017).

Di Mekah al-Mukarramah, Sheikh al-Mandili telah menuntut ilmu dari pelbagai ulama samada daripada ulama Melayu atau pun ulama Arab. Guru-guru beliau selain daripada Pak Da Eil Fatani ialah Sheikh Abdul Karim al-Daghastani, Sheikh Hasan Said Yamani, Sheikh Muhammad al-Arabi bin Tabani bin al-Hussin al-Wahidi al-Maghribi, Sheikh Muhammad Nur bin Sayf, Sheikh al-Sayyid Alawi bin Abbas al-Maliki, Sheikh Zakariyya Abdullah Bila, Sheikh Hassan Muhammad al-Mashat, Sheikh Muhammad Yassin Isa al-Fadani, Sheikh Abdullah Bahji, Sheikh Muhammad Ahyad bin Muhammad Idris, Tuan Guru Hussin Abdul Ghani al-Falimbani, Sheikh Abdul Rahim al-Kalantani dan terakhir Sheikh Daud al-Kalantani (Ramli Awang 2008; Che Zarina&Sharifah Basirah 2013).

Setelah berbakti kepada anak bangsa dalam menyampaikan ilmu samada melalui penyampaian mahupun penulisan selama hampir 30 tahun, akhirnya beliau menghembuskan nafas terakhir di Mekah al-Mukarramah (Ramli Awang 2008). Biarpun beliau telah tiada selama hampir setengah dekad, namun peninggalan penulisan beliau masih lagi segar diguna pakai sebagai bahan pembelajaran terutamanya di surau dan masjid. Lantaran daripada itu, susuk tubuh ulama ini telah diambil perhatian untuk dikaji daripada pelbagai sudut samada latar belakang kehidupan, pemikiran, sumbangan atau karya penulisannya.

### 3. Penulisan Hadis Sheikh Abdul Qadir Al Mandili

Sheikh al-Mandili bukan sahaja menyumbang sebagai tenaga pengajar semata-mata, malah beliau berkemampuan untuk menyumbang dalam bidang penulisan sehingga mampu menghasilkan sebanyak 24 karya yang meliputi pelbagai disiplin ilmu seperti akidah, feqah, akhlak, pendidikan dan politik. Turut tidak ketinggalan, karya penulisan hadis sebanyak dua buah telah diperoleh. Karya tersebut ialah *Tuhfat al-Qārī al-Muslim al-Mukhtār mimmā Ittafāqa ʻAlayh al-Bukhārī wa Muslim* manakala karya kedua beliau diberi jodol *Hadiyah Bagi Pembaca Muslim* merupakan terjemahan kepada karya pertama beliau.

#### Pertama: *Tuhfat al-Qārī al-Muslim al-Mukhtār mimmā Ittafāqa ʻAlayh al-Bukhārī wa Muslim*

Karya ini merupakan himpunan terhadap hadis ṣaḥīḥ terpilih yang telah disepakati bersama oleh al-Bukhārī dan Muslim. Sheikh al-Mandili menyusun karya ini sepenuhnya dalam bahasa Arab. Terdapat sebanyak 564 hadis di dalamnya yang disusun mengikut kaedah al-Mu'jam iaitu mengikut susunan huruf hijā'iyah bermula daripada huruf *Alīf* hingga huruf *Ya'*. Jadual di bawah menunjukkan bilangan hadis mengikut urutan huruf hijā'iyah seperti mana yang terdapat dalam kitab tersebut.

Bil	Huruf Abjad Hijaiyyah	Bilangan Hadis
1	<i>Alīf</i> (  ) hingga <i>Ha'</i> ( ح )	241
2	<i>Kha'</i> ( خ ) hingga <i>Sīn</i> ( س )	41
3	<i>Syīn</i> ( ش ) hingga <i>ʻAyn</i> ( ع )	24
4	<i>Ghayn</i> ( غ ) hingga <i>Mīm</i> ( م )	194
5	<i>Nūn</i> ( ن ) hingga <i>Yā'</i> ( ي )	64
Jumlah		564

Jadual 1.0: Bilangan hadis mengikut huruf hijā'iyah

Di awal mukaddimah kitab ini, Sheikh al-Mandili mencatatkan tujuan beliau menyusun karya ini adalah sebagai memenuhi permintaan daripada muridnya yang berasal daripada tanah kelahirannya Indonesia. Beliau turut memohon maaf kerana tidak sempat untuk menterjemahkan kitab ini disebabkan kesibukan serta kesuntukan masa beliau.

Dalam memulai kitab ini, Sheikh al-Mandili mengikuti penulisan ulama hadis dari segi penyusunan meletakan hadis pertama dalam kitab iaitu dimulai dengan hadis mengenai niat riwayat al-Bukhārī dan Muslim daripada Ibn Umar

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ، وَإِنَّمَا لَكُلُّ امْرٍ مَا نُوِيَ، فَمَنْ كَانَتْ هَجْرُهُ إِلَى دُنْيَا يَصِيبُهَا، أَوْ إِلَى امْرٍ يَنْكُحُهَا، فَهَجْرُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Manakala hadis terakhir pada huruf *ya'*, beliau menutup dengan hadis sifat manusia yang kekal walaupun sudah lanjut berusia iaitu hadis

بِهِرْمُ ابْنُ آدَمَ وَيَقْئِي مَعَهُ اشْتَانُ الْحَرْصُ وَالْأَمْلُ

Karya *Tuhfat al-Qārī al-Muslim al-Mukhtār mimmā Ittafāqā ‘Alayh al-Bukhārī wa Muslim* ini mulai disusun pada tarikh 11 Jamadil Awal 1371H/ 8 Feb 1952M bertempat di Mekah al-Mukarramah dan dapat disiapkan pada 20 Jamadil Awal 1371H/ 17 Feb 1952M iaitu mengambil masa untuk menyusun selama 9 hari sahaja.

#### Kedua: *Hadiyah Bagi Pembaca Muslim*

Karya ini merupakan karya terjemahan terhadap kitab hadis pertama beliau iaitu *Tuhfat al-Qārī al-Muslim al-Mukhtār mimmā Ittafāqā ‘Alayh al-Bukhārī wa Muslim*. Beliau bukan sahaja menterjemahkan matan hadis tersebut, malah turut mensyarahkannya agar dapat diambil manfaat daripada hadis tersebut.

Kitab ini siap diterjemahkan pada 7 Mac 1961M iaitu setelah 9 tahun siapnya kitab asal tersebut dalam bahasa Arab. Di awal mukaddimah terjemahan tersebut, beliau mencatatkan tujuannya menterjemahkan karya ini kerana permintaan daripada murid-murid beliau yang berasal daripada tanah nusantara yang tidak dapat memahami bahasa Arab dengan baik. Oleh yang demikian, beliau mengambil inisiatif dengan menterjemahkannya agar murid-muridnya dapat mengambil faedah daripada penulisannya.

Karya terjemahan ini terdiri daripada beberapa juzuk, tetapi malangnya yang ada pada hari ini hanya juzuk pertama sahaja setebal 95 halaman, malah tidak didapati maklumat lanjut mengenai juzuk-juzuk berikutnya (Muhammed Bazri 2012). Walau bagaimanpun, menariknya mengenai bilangan hadis yang disharahkan dalam kitab ini mencukupi 40 hadis. Perkara ini seolah-olah memberikan isyarat bahawa Sheikh al-Mandili mempunyai karya sharanah hadis 40 yang disusun sendiri turutan hadis tersebut. Kitab ini dicetak buat kali pertama oleh Percetakan Haji Muhammad Idris al-Marbawi di Mesir akhir bulan Muharram 1381H/ 15 Julai 1961.

Metodologi dalam menyusun dan mensyarahkan hadis dalam kitab adalah sebagaimana berikut:

1. Pada pendahuluan kitab ini, Sheikh al-Mandili memperkenalkan terlebih dahulu biografi Muhibbin Kutub Sittah secara ringkas ialah al-Bukhārī, Muslim, Abū Dawud, al-Tirmidhī, al-Nasāeī dan Ibnu Majah. Setelah itu, beliau turut memperkenalkan latar belakang pelopor empat mazhab iaitu Abū Hanīfah, Malik bin Anas, Muhammad bin Idris al-Shāfi‘ī dan Ahmad bin Ḥanbal. Contohnya ketika mencatatkan latar belakang Imam al-Shāfi‘ī beliau memperkenalkan nama Imam al-Shāfi‘ī secara lengkap, tempat kelahirannya di bumi Ghazzah Palestin pada tahun 150H, berjaya menghafal al-Quran dan al-Muwatta' ketika masih kecil. Berguru dengan Muslim bin Khālid al-Zinjī, Imam Malik, Ibnu ‘Uyainah dan lain lain. Antara muridnya ialah Imam Ahmad, al-Buwayhī dan al-Muzani, meninggal dunia di Bumi Mesir pada tahun 204H.
2. Memperjelaskan maksud Istilah yang digunakan dalam kitab tersebut seperti maksud al-Shaikhāni, al-Arbā‘ah, al-Khamsah, al-Thalānah, al-Sittah dan al-Sab‘ah. Contohnya apabila disebutkan perkataan al-Shaikhāni, maka maksudnya ialah hadis itu diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.
3. Sheikh al-Mandili mengemukakan matan hadis dalam bahasa arab berbaris terlebih dahulu, kemudian

diikuti dengan terjemahan.

4. Memperkenalkan latar belakang perawi secara ringkas meliputi nama, kuniyyah, laqab, nasab keturunan, bilangan hadis yang diriwayatkan serta bilangan hadis yang disepakati bersama oleh al-Bukhārī dan Muslim. Contohnya pada hadis pertama, diperkenalkan latar belakang rawi *a'la* iaitu 'umar al-Khaṭāb, Abu Ḥafṣ kuniyyahnya, orang pertama digelar Amir al-Mukminin, salah seorang daripada sepuluh sahabat nabi yang dijanjikan syurga, meriwayatkan 539 hadis, al-Bukhārī dan Muslim meriwayatkan secara bersama sebanyak 10 hadis.
5. Huraian hadis dalam kitab ini dihuraikan mengikut tema tema penting. Penjelasan lebih terperinci dalam dilihat pada huraian bagi hadis pertama. Beliau meletakkan empat tema penting iaitu pertamanya setiap amalan perlu kepada niat, keduanya niat tersebut hendaklah ditentukan, ketiga maksud berhijrah kerana Allah dan rasul dan keempatnya maksud hijrah bertujuan yang lain dari Allah dan rasul.
6. Menjadikan nas al-Quran dan hadis sebagai rujukan dalam mensharahkan hadis tersebut serta menyebutkan sumber ambilan bagi matan hadis.
7. Memperjelaskan kefahaman sebenar bagi matan hadis yang seolah-olah bertentangan dengan nas hadis yang lain (*Mukhtalif al-Hadith*) dengan menggunakan kaedah yang ditetapkan oleh ulama hadis.
8. Memperjelaskan isi-isi penting yang terdapat dalam hadis serta mengemukakan pengajaran, faedah dan kefahaman hadis. Sekiranya terdapat sesuatu hukum, maka Sheikh al-Mandili akan menyebut serta memperjelaskannya.

Kedua-dua kitab hadis karangan Sheikh al-Mandili yang telah diperjelaskan di atas membuktikan bahawa beliau turut menyumbang dalam bidang hadis sekali gus menjadikan karya penulisan hadis sebagai bidang ilmu tersendiri bagi masyarakat islam nusantara khususnya.

#### **4. Ketokohan Dalam Hadis**

Penulisan hadis Sheikh al-Mandili tidak hanya terhenti kepada dua buah karya tersebut, bahkan beliau banyak memasukkan hadis Nabi SAW dalam bidang ilmu lain seperti tauhid, fiqh dan tasawwuf, malah turut menjadikannya sebagai sandaran utama terhadap sesuatu kenyataan yang diutarakan. Hal ini boleh dilihat dalam karya penulisannya seperti kitab *Perisai bagi Sekalian Mukallaf, Sinar Matahari Buat Penyuluhan Tuan Abu Bakar al-Ashari, Penawar Bagi Hati* dan lain lain. Contohnya bilangan hadis yang terdapat dalam kitab *Perisai bagi Sekalian Mukallaf* adalah sebanyak 105 (Musa Muhammad 2014), *Penawar bagi Hati* sebanyak 104 (Mohammed Bazri 2012), manakala *Sinar Matahari Buat Penyuluhan Tuan Abu Bakar al-Ashari* sebanyak 80 hadis. Berdasarkan kepada maklumat tersebut, terbuktilah bahawa Sheikh al-Mandili sangat memberikan penekanan terhadap hadis dalam karyanya. Justeru, kajian ini mengetengahkan ketokohan Sheikh al-Mandili dalam bidang hadis melalui aspek-aspek berikut:

##### *1. Pandangan Mengenai Hadis Sebagai Sumber Hukum*

Penekanan terhadap penerimaan hadis sebagai sumber syariat sangat dititik berat oleh Sheikh al-Mandili. Perkara ini dapat dilihat melalui fatwa beliau menerusi kitab *Mutiara yang bagus lagi indah* bagi menjawab soalan mengenai sesuatu yang diucapkan oleh Nabi SAW tetapi tidak terdapat dalam al-Quran, adakah perlu diterima dan bagaimana dalilnya?. Beliau menegaskan bahawa setiap yang dinyatakan oleh nabi SAW mesti diterima kerana baginda menyampaikan wahyu dari Allah. Jawapan lengkap Sheikh al-Mandili seperti berikut (al-Mandili 1962,25):

“Segala barang yang menyuruh dengan dia oleh Nabi SAW boleh berpegang dan beramal dengan dia sekali pun tiada disebut dengan *ṣariḥ* di dalam al-Quran, bahkan wajib beramal dengan dia jika ada suruh itu suruh wajib dan sunat beramal dengan dia jika ada suruh itu suruh sunat. Dan barang yang menegah ia daripadanya wajib terhenti daripadanya jika ada tegahnya itu tegah haram, dan sunat terhenti daripadanya jika ada tegahnya itu tegah makruh, sekali pun tiada ada tegah itu *ṣariḥ* di dalam al-Quran. Bermula dalilnya firman Allah taala: وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْدَةٌ يُوحِي Ertinya dan tiada bertutur oleh nabi SAW daripada keinginan nafsunya dengan barang yang mendatangkan ia akan kamu dengan dia daripada quran dan hadis dan lain daripada keduanya, tiada ada ia tuturan melainkan

wahyu yang diwahyukan kepadanya”

Selain itu, pendirian Sheikh al-Mandili dalam memilih nas hadis sebagai hujah boleh dilihat pada Muqaddimah kitab fiqh beliau iaitu *Anak Kunci Syurga*. Beliau menyebutkan (al-Mandili 2007,3):

“Hanya sanya mendatangkan hamba akan dalil dalil daripada Quran dan hadis Nabi SAW kerana ahli sunnah tiada berpaling mereka itu daripada nas yang *sahīh*”

Daripada kenyataan tersebut, secara tidak langsung dapat difahami bahawa Sheikh al-Mandili merupakan seorang yang berpegang dengan sumber syariat Islam iaitu al-Quran dan hadis Nabi SAW.

Manakala, pendirian Sheikh al-Mandili terhadap hadis *da’if* pula, beliau kemukakan dalam fatwanya ketika ditanya mengenai hukum beramal dengan hadis *da’if*. Beliau mengutip pendapat gurunya iaitu Sayyid ‘Alawi al-Mālikī yang membolehkan beramal menggunakan hadis *da’if* dengan syarat-syarat tertentu. Jawapan lengkap seperti berikut (al-Mandili 1962,26):

“Harus beramal dengan hadis *da’if* pada faḍā'il al-a‘mal dan al-targhib dan al-tarhib dengan ijma‘, selama tiada ada ia mawdu‘ atau bersanggatan *da’if* dan dengan syarat bahawa ada baginya asal (Shāhid) seperti bahawa masuk ia di bawah dalil yang umum atau kaedah kulliyah dan bahawa tiada diitiqadkan akan thubutnya bahkan diitiqadkan akan Iḥtiyāt”.

## 2. Pemilihan Hadis dalam Karyanya

Ketokohnya dalam bidang hadis lebih terserlah apabila diperhatikan kepada jenis hadis yang dikemukakan, kebanyakannya merupakan riwayat al-Bukhārī dan Muslim. Malah disebahagian tempat, pada riwayat selain daripada riwayat al-Bukhārī dan Muslim, beliau akan menyatakan hukum bagi hadis tersebut samada ianya *maqbūl* atau pun *mardūd*. Contoh bagi hadis *maqbūl* yang dinyatakannya seperti mana berikut:

Hadis 1: hadis yang terdapat dalam kitab *Anak Kunci Syurga* pada bab sunat sunat puasa (al-Mandili 2007:82):

إِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ صَانِمًا فَلَيَفْطِرْ عَلَىٰ تَمْرٍ ، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فَلَيَفْطِرْ عَلَىٰ مَاءٍ فَإِنَّهُ طَهُورٌ

“Ertinya apabila ada seorang kamu puasa, maka hendaklah berbuka ia atas tamar, maka jika tiada mendapat ia akan tamar maka atas air, kerana bahawa air itu mensucikan. Menceritakan dia oleh al-Tirmidhī dan lainnya dan menṣahīlkan mereka itu akan dia”.

Pada hadis ini, Sheikh al-Mandili menyebutkan bahawa hadis ini martabatnya *sahīh* seperti mana yang disebutkan oleh al-Tirmidhī.

Hadis 2: hadis yang dikemukakan dalam kitab *Sinar Matahari Buat Penyuluhan Tuan Abu Bakar al-Ashari*, hadis mengenai batal wudu' dengan menyentuh kemaluan

من مسَّ ذَكْرٍ فَلَيَوْضُأْ

Sheikh al-Mandili (1959:14) menyertakan ulasan terhadap hadis ini dengan mencatatkan sumber beserta status hadis iaitu diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abū Dawud, al-Tirmidhī, al-Nasāei, Ibn Mājah, Ibn Ḥibban dan al-Tirmidhī menilai *sahīh*. al-Bukhārī menyatakan hadis ini yang paling aşāḥ dalam bab ini, al-Shāfi‘ī, Ibn Khuzaimah, al-Ḥākim dan Ibn Jārūd turut meriwayatkannya, al-Dāruquṭnī menilai *Sahīh*.

Manakala bagi hadis yang dinyatakan sebagai *mardūd*, Sheikh al-Mandili turut menyebutkan dalam penulisannya.

Hadis 1: hadis dalam kitab *Penawar bagi Hati* pada bab yang pertama pada menyatakan *Sharrahu al-Ta‘ām* ertiya sangat loba atas makanan (al-Mandili 2007:24): “dan sabda ia: سيد الأعمال الجوع penghulu segala pekerjaan itu lapar”

Sheikh al-Mandili mengulas hadis tersebut dengan memetik pandangan daripada al-‘irāqī iaitu katanya *Lam Ajid lahu Aslan* ertiya Aku tidak menjumpai riwayat bagi hadis ini.

Hadis 2: hadis dalam kitab *Sinar Matahari Buat Penyuluhan Tuan Abu Bakar al-Ashari mengenai tempoh keluar darah nifas*

كانت النُّفَسَاءُ عَلَى عِبْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَقْعُدُ بَعْدَ نِفَاسِهَا أَرْبَعِينَ يَوْمًا

Sheikh al-Mandili (1959) mengulas hadis ini dengan menyatakan bahawa ianya dinilai Ḍa'if oleh jamā'ah ulama.

Walau bagaimanapun, di sebahagian tempat yang lain, terdapat juga hadis yang tidak dinyatakan status oleh Sheikh al-Mandili. Oleh itu, bagi mereka yang ingin menelaah kitab- kitab beliau yang terdapat banyak hadis terutamanya seperti *Penawar Bagi Hati*, *Anak Kunci Syurga* dan *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf*, maka perlu diberi perhatian kepada perkara tersebut.

Bagi kitab *Penawar Bagi Hati* dan *Anak Kunci Syurga*, kajian ini menyarankan untuk merujuk kepada keluaran Publishing House Sdn. Bhd. (PTS) yang telah ditaḥqiq oleh Dr. Abdul Basit bin Abdul Rahman. Untuk kitab *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf* pula, kitab tersebut masih lagi belum dicetak dalam edisi taḥqiq, namun takhrij hadis dalamnya telah dilakukan dalam kajian sarjana di UKM oleh Musa Muhammad pada tahun 2014 di bawah seliaan Prof. Madya Dr Latifah binti Abdul Majid. Oleh itu, di harapkan kitab ini dapat dikeluarkan dalam edisi taḥqiq supaya semua pihak semua dapat mengambil manfaat.

### 3. Pandangan Taṣḥīh dan Taḍīf Hadis.

Dalam penentuan terhadap penilaian sesuatu hadis, terdapat tiga jenis golongan pengkritik hadis seperti berikut (Mohd Khafidz Soroni & Mohd Norzi Nasir 2010):

1. *Mutasyaddid* iaitu mereka yang ketat dan keras dalam menṣaḥīḥkan hadis seperti Ibn Jawzi.
2. *Mutawassīt* iaitu mereka yang sederhana penilaian dalam menṣaḥīḥkan dan mendā'iñkan hadis seperti Aḥmad bin Ḥanbal, al-Nawāwī dan Ibn Ḥajar.
3. *Mutasāhil* iaitu mereka yang longgar dalam menṣaḥīḥkan hadis seperti al-Ḥākim dan al-Sayūṭī.

Berdasarkan penelitian terhadap karya Sheikh al-Mandili, dari sudut pemilihan hukum dalam menentukan status hadis, dilihat Sheikh al-Mandili lebih cenderung kepada dua golongan iaitu *Mutawassīt* dan *Mutasāhil*. Contoh bagi mutawassīt ialah berdasarkan kepada perkataan beliau sendiri ketika mengulas mengenai hadis serban dalam kitab *Sinar Matahari Buat Penyuluhan Abu Bakar al-Ashari* iaitu pada matan hadis (اعْتَمَوا تَزَادُوا حَلْقًا).

Sheikh al-Mandili menyebutkan bahawa hadis tersebut telah diṣaḥīḥkan oleh al-Ḥākim, manakala dimawdu'kan oleh Ibn al-Jawzī. Seterusnya beliau mengulas pendapat tersebut dengan menyatakan tidak boleh menerima kedua-dua penilaian tersebut kerana al-Ḥākim longgar dalam menṣaḥīḥkan hadis, manakala Ibn Jawzī pula mudah dalam memawdu'kan hadis.

Manakala kecendurungan beliau terhadap golongan mutasāhil pula ditemukan di sebahagian tempat apabila beliau turut mengambil pendapat al-Ḥākim dalam menilai hadis. Bahkan juga mengambil pendapat lain seangkatan dengan al-Ḥākim dalam penilaian seperti Ibn Ḥibban, Ibn Khuzaimah dan lain lain.

### 4. Pendekatan dalam Menjelaskan Hadis yang Ikhtilaf.

Sheikh al-Mandili ketika mengemukakan nas hadis, sekiranya sesuatu nas hadis tersebut bertentangan dengan nas hadis yang lain, maka beliau akan menjelaskan kefahaman sebenar terhadap hadis tersebut. Perkara ini dalam ilmu Muṣṭalah hadis dikenali sebagai *Mukhtalif al-Hadith*.

*Mukhtalif al-Hadith* bermaksud hadis yang bertaraf maqbūl iaitu saḥīḥ atau ḥasan bertentangan dengan hadis maqbūl yang lain dari segi zahir hadis tersebut (Ibn Ḥajar 2011; al-Sayūṭī 2010; Maḥmūd Ṭahhān 2010:72). Jalan penyelesaian terhadap hadis yang mukhtalif mestilah mengikut turutan seperti berikut:

1. *Al-Jama'*: iaitu menghimpunkan kedua-dua nas hadis tersebut serta beramal kedua-dua.
2. *Al-Nasakh*: iaitu beramal dengan nas hadis Nasikh, serta meninggalkan nas yang mansukh.
3. *Al-Tarjīh*: iaitu melakukan proses pentarjihan dengan mengikut kepada kaedah- kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama yang mencecah 50 kaedah.

4. *Tawaqquf*: iaitu tidak melakukan tarjih serta berhenti dari beramal dengan kedua duanya sehingga jelas cara untuk mentarjihnya.

Dalam karya hadis Sheikh al-Mandili (1961) iaitu kitab *Hadiyah bagi Pembaca Muslim*, pada hadis ke 13, iaitu hadis riwayat al-Bukhārī dan Muslim daripada Ibn ‘Umar (أَعْلَمُكُمْ بِاللَّيلِ وَتَرَا) yang bermaksud “Jadikan oleh kamu akan akhir sembahyang kamu pada malam akan sembahyang witir”. Ketika mensyarahkan hadis ini, beliau mengemukakan sebuah hadis lain riwayat Muslim daripada Abū Hurairah iaitu (أَوْصَانِي خَلِيلٍ أَنْ لَا أَنْمِ إِلَّا عَلَى وَتَرٍ) bermaksud “Berpesan akan aku oleh kekasihku SAW bahawa tiada aku tidur melainkan kemudian daripada sembahyang witir”. Sheikh al-Mandili menyebutkan kedua-dua hadis tersebut dari segi zahirnya seolah-olah bertentangan di antara satu sama lain kerana hadis pertama menyuruh solat witir di akhir malam iaitu ketika bangun tahajjud, manakala hadis kedua pula menyarankan supaya mendirikan solat witir sebelum tidur.

Sheikh al-Mandili dalam menyelesaikan hadis ini, beliau menggunakan kaedah menghimpunkan kedua-duanya iaitu yang dimaksudkan dengan saranan supaya mendirikan solat witir ketika di akhir malam iaitu ditentukan kepada orang yang yakin boleh bangun di tengah malam. Manakala hadis yang menyarankan supaya mendirikannya sebelum tidur ialah disarankan kepada orang yang tidak yakin boleh bangun di waktu malam (al-Mandili 1961, 36-37).

## 5. Kesimpulan.

Setelah meneliti terhadap perbincangan yang dikemukakan, terbukti ketokohan Sheikh al-Mandili dalam bidang hadis melalui beberapa aspek. Antaranya ialah penegasannya mengenai hadis Nabi SAW sebagai sumber pensyariatan kedua selepas al-Quran menunjukkan bahawa beliau sangat berpegang teguh dengan sunnah. Tidak terhenti di situ, beliau turut mempraktikkan apa yang dikatakan dengan menjadikan hadis Nabi SAW sebagai hujah dalam karya beliau yang meliputi ilmu tauhid, feqah, tasawwuf dan lain-lain.

Dari sudut pemilihan hadis dalam penulisan, kebanyakannya beliau ambil riwayat al-Bukhari dan Muslim untuk dijadikan hujah. Ini menunjukkan bahawa beliau seorang yang teliti dalam memilih hadis sebelum memuatkan dalam penulisan. Selain itu, ulasan yang dinyatakan terhadap kebanyakan hadis sama ada *maqbūl* atau *mardūd* membuktikan bahawa penulisannya menepati kaedah penulisan hadis di sisi ulama.

Dari aspek penulisan *taṣḥīḥ* dan *taḍīf* hadis pula, Sheikh al-Mandili lebih cenderung kepada golongan Mutawassit. Namun di sebahagian tempat, beliau terkadang memilih pendapat daripada golongan mutasāhil dalam menilai hadis. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak mencacatkan penulisannya kerana kebanyakan hadis yang dinukilkannya adalah *ṣaḥīḥ*, sekali pun *da’īf* ianya hanya *da’īf* ringan yang dikuatkan dengan dalil *ṣaḥīḥ* yang lain.

Selain itu, penguasaan beliau dalam ilmu Mustalah Hadis dapat dilihat ketika beliau berinteraksi dengan hadis yang ikhtilaf dengan menggunakan metode yang telah ditetapkan oleh ulama hadis. Berdasarkan kepada perbincangan yang dikemukakan, wajarlah diangkat Sheikh al-Mandili sebagai seorang tokoh dalam hadis berdasarkan penulisan beliau sama ada melalui karya penulisan hadis beliau atau pun karya-karya lain yang mengandungi ratusan hadis dalamnya.

## Rujukan

- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 2006. *Sahih al-Bukhari*. Riyadh. Maktabah al-Rush Nasyirun.
- Al-Mandili, Abdul Qadir bin Abdul Mutalib. 2007. *Anak Kunci Syurga*. Patani. Matba‘ah Ibn Halabi.
- Al-Mandili, Abdul Qadir bin Abdul Mutalib. 2007. Penawar Bagi Hati. Patani. Matba‘ah Ibn Halabi.
- Al-Mandili, Abdul Qadir bin Abdul Mutalib. T.th. *Tuhfah al-Qārī al-Muslim al-Mukhtār* mimmā Ittafāq ‘Alayhi al-Bukhārī wa Muslim. Kaherah. Dār al-Miṣr li Ṭilā’ah.
- Al-Mandili, Abdul Qadir bin Abdul Mutalib. 1961. *Hadiyah Bagi Pembaca Muslim*. Kaherah. Maṭba‘ah al-Ḥāfi Muhammed Idris al-Marbawi.
- Al-Mandili, Abdul Qadir bin Abdul Mutalib. 1959. *Sinar Matahari Buat Penyuluhan Kesilapan Tuan Abu Bakar al-Ashari*. Miṣr. Maṭba‘ah al-Anwār.
- Al-Mandili, Abdul Qadir bin Abdul Mutalib. 1962. *Beberapa Mutiara Yang Bagus lagi Indah atau Beberapa*

- Masalah yang Penting lagi Mudah. Miṣr. Maṭba'ah al-Anwār*
- Al-Sayuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 2010. *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*. Darul Ibn Jawzi.
- Asyraf bin Abd Ghani@Mohd Azmi. 2013. Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Muttalib al-Mandili:Sumbangan dalam Ilmu Tauhid , Fiqah dan Tasawwuf , Tesis Sarjana Sastera(Pengajian Islam).Sintok .Universiti Utara Malaysia.
- Che Zarrina Sa'ari & Nor Azlinah Zaini. 2016. Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah Al-Nafs oleh Syeikh Abdul Qadir al-Mandili dalam Kitab Penawar
- Ibn Hajar. 2011. *Nuzhatun Nazar fi Taudih Nukhbatul Fikr*. Kaherah Darul Basair. hlm. 41. Mahmūd Ṭāḥīḥān, 2010. *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Hadis*. Riyadh. Maktabah al-Ma‘ārif li Al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Mohammed Bazri Che Harun. 2012. Hadith-hadith dalam karya Syeikh Abd al-Qadir Al-Mandili : Takhrij dan Analisis, Disertasi Sarjana.Kuala Lumpur. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Khafidz Soroni & Mohd Norzi Nasir. 2010. Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani. (1916-1990) dan Ketokohnanya dalam ilmu Riwayat al-Hadith *Prosiding Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Musa bin Mohammad. 2014. Status Dan Kualiti Hadith Dalam Kitab Perisai Bagi Sekalian Mukallaf karangan Shaykh Abdul Qadir al-Mandili. Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslim, Abu Husin Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi. 1991. *Sahih Muslim*. Beirut. Dar al-Kutub al-‘ilmīyyah.
- Nurul hidayah Wahab , Azlina Abu Bakar & Abdul Manam bin Mohamad. 2017. Analisis Elemen-Elemen Nafsu Dalam Teori Psikoanalisis Sigmund Freud Dan Kitab Penawar Bagi Hati Al-Mandili, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. hlm. 63.
- Ramli Awang. 2001. Syeikh Abdul Qadir Mandili: Satu Analisis Biografi dan Aliran-Aliran Pemikirannya. Tesis PhD Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramli Awang. 2008. Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili (1910-1965): biografi & pendidikan akhlak. Skudai. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ramli Awang , Esa khalid , Mohd Nasir Ripin , Zulkiflee haron dan Ismail Ibrahim. 2009. “*Cakna Lidah sebagai Teras Keharmonian Organisasi : Sorotan Pemikiran Akhlak Syeikh Abdul Qadir al-Mandili(1910-1965)*”. hlm. 237
- Ramli Awang , Mansoureh Ebrahimi , Kamaruzaman Yusoff dan Burhanuddin Abdullah. 2016. Hajj and Lebai from the Perspective of Master Syeikh Abdul Qadir al-Mandili Al-Indonesi ( 1910-1965 ). *Medwell Journals The Social Sciences* .
- Sharifah Basirah & Che Zarrina. 2013. Berberapa Aspek Psikoterapi Islam dalam Kitab Kitab Jawi, “Penawar Bagi Hati” oleh Sheikh Abdul Qadir al-Mandili. *Jurnal Afskar*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. hlm. 111.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1995. Perkembangan Penulisan Hadith Ulama Asia Nusantara. *International Seminar On Islamic Studies In South-East Asia (ISIS)*, hlm. 4.